



UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tawaran dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan nombor pendaftaran 465-XXXXXXXX dan berdaftar dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai tender berikut:

No. / Tajuk Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Iklan Tender	Harga Dokumen Pelawaan
<u>TENDER/MAMPU/PERKHIDMATAN/5/2021</u> Kajian Keperluan Peluasan dan Pengukuhan bagi Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam MyGovCloud@PDSA Fasa III	<u>MANDATORI</u> 340601, 340602, 340603, 340604, 340605 <u>PIILIHAN</u> 340101, 340106, 341001, 341002	<u>TARIKH IKLAN</u> 15 Julai 2021 (Khamis) <u>TARIKH TUTUP</u> 13 Ogos 2021 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender tidak akan dipertimbangkan	PERCUMA

1. **Petender DIGALAKKAN** untuk hadir ke Sesi Taklimat. Hanya **seorang sahaja wakil Syarikat yang dibenarkan hadir semasa sesi taklimat tersebut**. Taklimat akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 19 Julai 2021 (Isnin)

Masa : 10.00 Pagi

Tempat : Secara Sidang Video

URL Taklimat Tender: <https://icewarp4.mygovuc.gov.my/conference/558419769>

2. Dokumen Tender akan dihantar kepada petender melalui e-mel tenderpdsa@mampu.gov.my selepas petender menghadiri taklimat tender dan melengkapkan pendaftaran melalui pautan yang akan diberikan semasa taklimat tender.
3. Bagi petender yang tidak dapat menghadiri taklimat tender, petender boleh memohon Dokumen Tender melalui e-mel menggunakan e-mel rasmi Syarikat kepada tenderpdsa@mampu.gov.my dalam tempoh 7 hari selepas taklimat tender dilaksanakan.
4. **Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi boleh dikemukakan secara SERAHAN TANGAN atau PERKHIDMATAN POS BERDAFTAR/KURIER.**
5. Dokumen Tawaran yang dikemukakan secara serahan tangan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan **mencatatkan tajuk tender** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Aras 5, Setia Perdana 2, Kompleks Setia Perdana, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.**
6. Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa bagi mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka untuk mengelakkan penularan wabak Pandemik COVID-19, **Peti Tender bagi penghantaran Dokumen Tawaran secara serahan tangan akan dibuka selama tiga (3) hari bermula 11 Ogos 2021 hingga 13 Ogos 2021 dari jam 9:00 pagi hingga 12:00 tengah hari. Dokumen Tawaran yang lewat atau tidak dimasukkan ke dalam Peti Tender tidak akan dipertimbangkan.**
7. Bagi Dokumen Tawaran yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar atau kurier, alamat penghantaran Dokumen Tawaran adalah **Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Aras 5, Setia Perdana 2, Kompleks Setia Perdana, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.**
8. Dokumen Tawaran yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar atau kurier **hendaklah sampai sebelum 13 Ogos 2021 jam 12:00 tengah hari.**